

PAMERAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA DI SMK HANG KASTURI, MASJID TANAH MELAKA

26 Julai 2022, MELAKA - Pameran oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah diadakan bertempat di SMK Hang Kasturi, Melaka bersempena sambutan Minggu Akademik anjuran pihak sekolah. Kaunter pendaftaran ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) juga dibuka dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Selain mengadakan pameran, edaran poster dan banner kesedaran alam sekitar turut diadakan. Kesedaran alam sekitar yang dipupuk sejak di bangku sekolah diharap dapat membentuk pelajar-pelajar yang menyayangi alam sekitar apabila dewasa kelak serta dapat mengajak ahli keluarga bersama-sama menyayangi alam sekitar.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama